

MTUC tidak bantu nasib pekerja

27 APR 1993

KUALA LUMPUR, Isnin — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) kini tidak lagi memperjuangkan nasib pekerja, sebaliknya menjadi ejen Barat untuk memusnahkan matlamat Malaysia menjadi negara maju.

Menurut Perdana Menteri, MTUC sedang diperalatkan oleh pertubuhan antarabangsa untuk melumpuhkan ekonomi negara dengan alasan memperjuangkan nasib buruh.

Beliau kesal kerana tindakan-tanduk MTUC dan rakan antarabangsanya seolah-olah mengugut kerajaan walaupun selama ini kerajaan mewujudkan peluang pekerjaan kepada rakyat.

"MTUC kini bermain politik semata-mata untuk memenuhi kepentingan segelintir pemimpinnya. Mereka tidak lagi memperjuangkan nasib dan kepentingan pekerja."

"Kita tahu MTUC ada kawan baik di kalangan kesatuan sekerja Barat dan menggunakan senjata itu untuk mengugut kerajaan, terutamanya dari segi ekonomi."

"Kalau dikaji, tidak ada peluang pekerjaan yang pernah diwujudkan oleh MTUC, malah ketika negara mengalami kesulitan dia tidak pernah berbuat apa-apa pun."

"Tetapi, apabila kita menarik pelabur dan wujudkan peluang pekerjaan yang banyak, dia mula, ada saja yang tidak kena," katanya kepada pemberita selepas perasmian mesyuarat pertama Penggal Ketiga Parlimen kelapan, di sini, hari ini.

Semalam, Menteri Sumber Manusia, Datuk Lim Ah Lek, mendedahkan MTUC mengancam kerajaan dalam Laporan Tahunan 1991/1992 yang dihantar kepada Persekutuan Antarabangsa Kesatuan Sekerja Bebas (ICFTU).

Sambil menyifatkan tindakan itu menikam kerajaan dari belakang, Lim berkata, MTUC memberi gambaran seolah-olah pekerja di negara ini sentiasa ditindas.

Sehubungan dengan itu, Perdana Menteri yakin tindakan MTUC itu berpunca sikap terlalu bergantung kepada kesatuan sekerja Barat yang kononnya prihatin terhadap nasib buruh.

"Mereka lupa, Barat sebenarnya berniat merosakkan negara dengan berlingung di sebalik isu buruh iaitu gaji lebih serta peluang kerja lebih baik," katanya.

Menurutnya, MTUC tidak serik walaupun sebelum ini pernah meminta Amerika Syarikat menarik balik Skim Perlindun-

gan Am (GSP) walaupun mengetahui kesan buruknya.

Katanya, tindakan itu menunjukkan MTUC mahu negara ini mengalami pengangguran kerana apabila berlaku pengangguran baru mereka akan berdiam diri.

"Bagaimanapun, mereka tetap bertindak demikian walaupun tahu jika GSP ditarik bermakna kita kekurangan kerja kerana tidak dapat mengekspor barang. Pendapatan negara menurun dan tukaran wang asing akan terjejas," katanya.

Dr Mahathir berkata, tindakan MTUC itu juga menunjukkan mereka hanya mementingkan nasib pekerja asing dan bukannya masa depan pekerja tempatan.

Sehubungan dengan itu, beliau mahu rakyat memahami perjuangan MTUC yang kini dipolitikan oleh segelintir pemimpin yang berkepentingan.

Mengenai kemungkinan MTUC mewakili Malaysia di Persidangan Buruh Antarabangsa, di Geneva, Jun ini, Perdana Menteri berkata mana-mana pertubuhan yang mewakili pekerja layak berbuat demikian tetapi setakat ini kerajaan belum memutuskannya.